



## PELAKSANAAN KOMPONEN STARS- BENGKEL PELAN TINDAKAN AKADEMIK DAN ANTARABANGSA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN TAHUN 2023

Sasaran Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sebagai “A Knowledge Valley Where Entrepreneurial Minds Meet, Innovate and Create” dapat direalisasikan dengan perancangan strategik yang berkualiti. Perancangan strategik adalah aspek utama dalam menetapkan hala tuju organisasi supaya segala strategi dan perkhidmatan yang diberikan sentiasa kemas kini, relevan dan memenuhi aspirasi semasa (Samsuni dan Dr. Zakaria, 2005).

Akademik merupakan tunjang utama Universiti, manakala pengantarabangsaan adalah salah satu agenda yang penting di sesebuah institusi. Dalam usaha menonjolkan keterlihatan UMK sebagai hab kecemerlangan akademik di persada antarabangsa dan tempatan, pelaksanaan *Balance Score Card (BSC)* bukan sahaja menyumbang kepada pengurusan prestasi Universiti secara menyeluruh dan seimbang, malah membantu menjajarkan setiap peringkat pengurusan di pusat tanggungjawab (PTj) khususnya PTj akademik kearah pelaksanaan strategi yang sama.

Bagi merealisasikan dan mendokong pelaksanaan *BSC* di fakulti dan pusat, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) (TNCAA) telah menganjurkan Bengkel Pelan Tindakan Akademik dan Antarabangsa UMK yang melibatkan penyertaan ketua pusat PTj akademik di bawah portfolio TNCAA, iaitu Dekan, Timbalan Dekan Akademik di setiap fakulti dan ketua PTj sokongan akademik.

Program yang selesai diadakan pada 26 hingga 28 Januari 2023 bermatlamat untuk merangka Pelan Tindakan Akademik dan Antarabangsa UMK pada tahun 2023 serta memperhalusi dan menambahkan Pelan Tindakan Akademik dan Antarabangsa 2021-2025 yang sedia ada merangkumi pembangunan program pengajaran baharu, perancangan semakan semula kurikulum, perancangan aktiviti berimpak tinggi, pengenalan pelan tindakan STARS dan lain-lain aspek berkaitan.



# WACANA

BULETIN AKADEMIK & ANTARABANGSA



JAN - MAC 2023



## PELAKSANAAN KOMPONEN STARS- BENGKEL PELAN TINDAKAN AKADEMIK DAN ANTARABANGSA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN TAHUN 2023

Sasaran Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sebagai "A Knowledge Valley Where Entrepreneurial Minds Meet, Innovate and Create" dapat direalisasikan dengan perancangan strategik yang berkualiti. Perancangan strategik adalah aspek utama dalam menetapkan hala tuju organisasi supaya segala strategi dan perkhidmatan yang diberikan sentiasa kemas kini, relevan dan memenuhi aspirasi semasa (Samsuni dan Dr. Zakaria, 2005).

Akademik merupakan tunjang utama Universiti, manakala pengantarabangsaan adalah salah satu agenda yang penting di sesebuah institusi. Dalam usaha menonjolkan keterlihatan UMK sebagai hab kecemerlangan akademik di persada antarabangsa dan tempatan, pelaksanaan *Balance Score Card (BSC)* bukan sahaja menyumbang kepada pengurusan prestasi Universiti secara menyeluruh dan seimbang, malah membantu menajarkan setiap peringkat pengurusan di pusat tanggungjawab (PTJ) khususnya PTJ akademik kearah pelaksanaan strategi yang sama.

Bagi merealisasikan dan mendokong pelaksanaan *BSC* di fakulti dan pusat, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) (TNCAA) telah menganjurkan Bengkel Pelan Tindakan Akademik dan Antarabangsa UMK yang melibatkan penyertaan ketua pusat PTJ akademik di bawah portfolio TNCAA, iaitu Dekan, Timbalan Dekan Akademik di setiap fakulti dan ketua PTJ sokongan akademik.

Program yang selesai diadakan pada 26 hingga 28 Januari 2023 bermattamat untuk merangka Pelan Tindakan Akademik dan Antarabangsa UMK pada tahun 2023 serta memperhalusi dan menambahbaik Pelan Tindakan Akademik dan Antarabangsa 2021-2025 yang sedia ada merangkumi pembangunan program pengajaran baharu, perancangan semakan semula kurikulum, perancangan aktiviti berimpak tinggi, pengenalan pelan tindakan STARS dan lain-lain aspek berkaitan.

bersambung di ms 3

ISBN 817525766-0



9 788175 257665

Official UMK ENTREPRENEURSHIP @ingLegalUMK @healUMKfamily



## SIDANG EDITORIAL

**Penasihat** : Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad  
**Ketua Editor** : Mohd Badrul Hisyam Muhamad Alias  
**Editor** : Mohd Zulfadli Mat Husin  
Puteri Nurainul Bismi Jondi  
Fatin 'Afina Ramzi  
**Pereka** : Nurfatinah Izzati Zamri

[www.hea.umk.edu.my](http://www.hea.umk.edu.my)

[dcvai@umk.edu.my](mailto:dcvai@umk.edu.my)

Pejabat TNCAA UMK

Pelaksanaan komponen STARS M/S: 1&3



Projek Khas Sarjana Keusahawanan UMK-Wuxi M/S: 4



Program Asasi tahfiz M/S: 5

Aktiviti Pelajar M/S: 7



# MENARIK DI DALAM



Program dan Aktiviti M/S: 16-24



Kolaborasi M/S: 8-15

Latihan dan Pembangunan M/S: 16-18



Program ini telah dirasmikan oleh Prof. Dato' Dr. Razli Bin Che Razak, Naib Canselor UMK dan dalam pertemuan tersebut, beliau telah mengetengahkan slogan 3R (*Respect, Relevant and Referred*) yang perlu diselami oleh ketua PTJ akademik untuk memastikan program akademik yang ditawarkan di UMK adalah sentiasa relevan dengan keperluan semasa seterusnya memastikan UMK sentiasa disegani dan menjadi titik rujukan oleh ahli masyarakat serta industri.

Selaras dengan penetapan visi dan misi UMK yang menjadi titik tolak kepada penggubalan strategik yang baik, pelaksanaan BSC STARS oleh TNCAA diperkenalkan sebagai salah satu radas perancangan strategik di peringkat PTJ Akademik. Komponen STARS adalah terdiri daripada lima (5) iaitu:

# STARS

- i. Student Academic Development,
- ii. Talent Management and Development,
- iii. Academic Program and Quality,
- iv. Resources Sustainability, and
- v. Standards, Integrity and Reputation.



Beliau juga turut berpesanan, pelajar merupakan pemegang taruh utama di UMK dan menjadi tanggungjawab universiti untuk membentuk kerjaya pelajar selaras dengan keperluan industri. Manakala dalam ucapan Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhamad, TNCAA memaklumkan sorotan pencapaian akademik tahun 2023 sepertimana berikut:

- i. Kelulusan naik taraf Jabatan Jabatan Sains Data kepada Fakulti Sains Data dan Komputeran.
- ii. Pusat Pengajian Asasi akan dinaik taraf kepada UMK-AsCent (Asasi Centre) dan menawarkan Program Asasi Tahfiz
- iii. Tawaran program *Private Wing* (DVM+) oleh Fakulti Perubatan Veterinar
- iv. Projek Khas Wuxi Beijing, China yang telah mendaftar untuk mengikuti program pengajian pascasiswazah (pelaksanaan program adalah secara *hybrid*).
- v. Peningkatan 76 *Massive Online Open Course* (MOOC) tahun 2022-2022
- vi. Peningkatan jumlah program *Work Based Learning* (WBL) 2022/2023 yang merupakan KPI OBB UMK
- vii. 112 jalinan kerjasama berkaitan akademik dalam dan luar negara
- viii. Ucapan tahniah kepada penerima anugerah Naib Johan Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Malaysia Rekabentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif (AKRI), iaitu Dr. Sarah Wahida binti Hasbullah dan Dr. Shah Iskandar Fahmie bin Ramlee
- ix. Ucapan tahniah kepada penerima yang merangkul anugerah *Gold dan Silver di International Universiti Carnival on E-learning* (IUCEL 2022).
- x. Ucapan tahniah kepada fakulti yang menerima geran KPT Pace
- xi. Ucapan tahniah kepada Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) telah dianugerahkan sebagai "Best Faculty of Tourism and Hospitality" sempena *Malaysia Tourism Industry Award* (MTIA) 2022.



## 31 ORANG PELAJAR CHINA IKUTI PROJEK KHAS SARJANA KEUSAHAWANAN

Program Khas Sarjana Keusahawanan UMK-Wuxi, China adalah salah satu projek rintis yang dilaksanakan oleh UMK melalui Pejabat TNCAA dan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) yang menawarkan program Sarjana Keusahawanan kepada 31 orang pelajar antarabangsa dari Wuxi, China.

Program yang telah dimulakan pada Oktober 2022 adalah program hibrid yang membolehkan pelajar mengikuti pengajian melalui dalam talian dan juga bersemuka.

Pada Mac 2023, kumpulan pelajar ini telah tiba di Malaysia untuk mengikuti program pengajian secara bersemuka. Sesi PdP diadakan di Mirage Resident, Kuala Lumpur bermula Mac sehingga Jun 2023. Pada 15 Mac, kumpulan pelajar ini telah berkunjung ke UMK Kampus Kota dan Bachok untuk menyelesaikan urusan visa pelajar, mendengar taklimat berkenaan program Bahasa Inggeris dan mengenali kampus UMK dengan lebih dekat.

UMK dijangka akan menerima lebih ramai kumpulan pelajar daripada Wuxi, China untuk mengikuti pelbagai program pengajian di UMK sama ada di peringkat prasiswazah mahupun pascasiswazah.



## PERBINCANGAN BERSAMA PIHAK JABATAN PENDIDIKAN TINGGI BERKENAAN PROGRAM ASASI TAHFIZ DAN PENUBUHAN PUSAT PENGAJIAN ASASI DI UMK.

28 Mac 2023 (Selasa)- Delegasi Universiti Malaysia Kelantan telah mengadakan perbincangan bersama pihak Jabatan Pendidikan Tinggi berkenaan Program Asasi Tahfiz dan Penubuhan Pusat Pengajian Asasi di UMK. Delegasi UMK telah diketuai oleh YBhg. Prof.Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) manakala JPT telah diketuai oleh YBhg. Dato' Prof. Dr. Norzaini Azman, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Akademik dan Pembangunan).

## PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SEMESTER FEBRUARI 2022/2023

19 Mac 2023, Kolej Kediaman,

Seramai 102 orang pelajar baharu telah mendaftar masuk untuk memulakan pengajian di Universiti Malaysia Kelantan bagi Semester Februari 2022/2023 yang melibatkan ketiga-tiga kampus, Kampus Bachok, Kampus Jeli dan Kampus Kota.



## BENGGKEL PEMURNIAN TERMA DAN RUJUKAN JAWATANKUASA PENILAIAN PROGRAM AKADEMIK (JKPPA) BIL.1/2023

7 Februari 2023, Ruang Mesyuarat PKPA

Penganjuran untuk mengemaskini fungsi, terma rujukan, keahlian, proses kerja dan borang penilaian JKPPA dalam memastikan pelaksanaan JKPPA 2023 dan tahun mendatang lebih teratur dan sistematik.

# PPA

## PROGRAM PEMASARAN & PROMOSI AKADEMIK PRASISWAZAH 2023

Januari - Mac 2023, Seluruh negeri di Malaysia termasuk Sabah & Sarawak  
 Program Promosi Akademik ini berlangsung dari bulan Januari hingga Mac 2023 yang dianjurkan oleh UMK/ Kementerian/ Agensi yang membantu pelajar lepasan SPM dan STPM/Setaraf untuk menyambung pengajian ke pendidikan tinggi. Aktiviti promosi akademik telah berlangsung di Sembilan (9) lokasi secara fizikal dan satu (1) dalam talian di seluruh negeri.



## PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER SEPTEMBER 2022/2023

Peperiksaan Akhir Semester September 2022/2023 telah diadakan bermula pada 5 Februari - 25 Februari 2023. Pelaksanaan peperiksaan di ketiga-tiga kampus dijalankan dengan jayanya tanpa sebarang masalah.

Peperiksaan akhir adalah salah satu kaedah pentaksiran yang dilaksanakan di UMK untuk menilai tahap penguasaan pelajar terhadap ilmu dan kemahiran berkaitan kursus yang telah diikuti.





## UMK-ANGRAU, INDIA TIEUP FOR INTERNATIONAL MOBILITY PROGRAM

14th February 2023

UMK International Welcomes Students from ANGRAU India. 20 students of Acharya N. G. Ranga University, India has been selected for international inbound mobility (credit) program to do their industrial internship at Faculty of Agro-based Industry (FIAT), UMK Malaysia.

The program commenced in November 2022 virtually and now the students arrived physically for a month hands-on training which will end on 14 March 2023. We would like to wish a successful industrial training journey to our 20 students of international inbound training mobility at UMK. May you have a wonderful journey in Kelantan.





FPV

## MAJLIS PERTUKARAN DOKUMEN MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA) ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN DAN BIO ANGLE VACS SDN BHD

BACHOK, 09 Januari 2023 | Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) dan Syarikat Bio Angle Vacs Sdn Bhd (BAV), hari ini menandatangani perjanjian memorandum perjanjian (MoA) bagi menjalankan projek penyelidikan STVAC7 Clinical Study antara kedua-dua pihak.

Projek penyelidikan ini bertujuan untuk mengembangkan lagi pengetahuan dan kepakaran kedua-dua belah pihak bagi menguji keberkesanan dan keselamatan produk tersebut untuk kegunaan haiwan ternakan kambing dan biri-biri di Malaysia dan negara serantau.

Sementara itu, majlis pertukaran dokumen MoA itu telah disempurnakan oleh oleh Dekan FPV, Dr. Farhan Hanif dan Ketua Pegawai Eksekutif, BAV, Pn Noor Shazreena Ishak serta disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, mewakili Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Razli Che RAzak dan Pengerusi BAV Sdn. Bhd., Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar, di Bilik Seminar 2, UMK Bachok, Kelantan.



# UMK MELEBAR SAYAP KE KAZAKHSTAN

21 Februari 2023 (Selasa)

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Q.M Consulting & Business Services (QM) melalui kerjasama akademik dengan L.N. Gumilyov Eurasian National University (ENU).

Majlis tersebut telah diadakan secara maya di Pejabat UMK Putrajaya. Hadir sama dalam majlis tersebut adalah Tuan Yang Terutama En. Mohd Adli Abdullah, Duta Besar Malaysia ke Kazakhstan dan YBhg. Dato' Syed Mohamad Bakri Syed Abdul Rahman Mantan Duta Besar Malaysia ke Kazakhstan.

MoU tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Prof Dato' Dr. Razli bin Che Razak, Naib Canselor UMK dan disaksikan oleh YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

Antara kerjasama yang akan dilaksanakan ialah Continuing Professional Development (CPD), Program Pendidikan Eksekutif (EE), MBA Dual - Degree, penyelidikan, penerbitan dan sebagainya.



# PROGRAM MOBILITI PELAJAR (MALAYSIA – OMAN)

7 Februari 2023

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menerima kunjungan hormat delegasi dari Pengurusan A'Sharqiyah University, Sultanate of Oman.

Delegasi diketuai oleh Timbalan Naib Canselornya, Professor Yahya Al Wahabi. Delegasi telah disambut oleh Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Dr. Razli Che Razak, di Bilik Mesyuarat Senat, Bangunan Canselori, UMK Bachok, hari ini.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Dekan Fakulti Perubatan Veterinar, Dr. Mohd Farhan Hanif Bin Reduan, Dr. Said Alghenaimi, Dean College of Applied and Health Sciences dan Dr. Qais Al Rawahi, Assistant Professor Veterinary Medicine College of Applied Sciences.

Kedua-dua institusi menumpukan kepada perbincangan dua hala bagi mengadakan kerjasama bagi program mobiliti pelajar antara UMK dan A'Sharqiyah University, Sultanate of Oman.

Program mobiliti ini sudah menjadi aktiviti wajib kepada semua Universiti. Antara manfaat utama program mobiliti ialah, pelajar dapat mempelajari pelbagai kemahiran baharu dalam bidang mereka sebagai nilai tambah kepada ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi di negara kita.





## SESI PERBINCANGAN BERSAMA WAKIL MANAGEMENT & SCIENCE UNIVERSITY (MSU)

9 Mac 2023, MSU, Shah Alam, Selangor.

Sesi perbincangan bersama wakil Management & Science University (MSU) bertempat di MSU, Shah Alam, Selangor. Delegasi UMK telah diketuai oleh Prof. Dr. Nik Maهران binti Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa). Turut hadir ialah Prof. Madya Ts. Dr. Zailani Bin Abdullah, Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Ts. Dr. Muhammad Luqman Bin Nordin, Ketua Jabatan Pengajian Klinikal, Fakulti Perubatan Veterinar dan wakil-wakil fakulti. Manakala delegasi MSU diketuai oleh Professor Dr. Abdul Jalil Ghazali, Senior VP for Industry Linkages & Entrepreneurship. Antara agenda yang dibincangkan ialah kerjasama akademik di antara MSU dan UMK melalui Program Mobiliti Berkredit 2u2i UMK-MSU, Program Bootcamp Keusahawanan serta Program Kerjasama Doktor Perubatan Veterinar melalui Private Wing UMK MSU DVM+ Offshore.



## PERBINCANGAN BERSAMA EJEN PEREKRUTAN PELAJAR ANTARABANGSA: INFO LEADMODE

03 Januari 2023, Dalam Talian

Perbincangan bersama Info Leadmode, ejen perekrutan pelajar antarabangsa telah berlangsung secara dalam talian pada 3 Januari 2023. Kolaborasi ini diharapkan akan membuahkan hasil melalui kemasukan pelajar antarabangsa ke UMK.

**UMKI**



## LAWATAN PENANDARAS KE IMCC USM KAMPUS KESIHATAN

1 Februari 2023, IMCC USM Kampus Kesihatan, Kubang Kerian

Lawatan ini bertujuan untuk melihat kaedah pengurusan pelajar antarabangsa, pengurusan ejen perekrutan pelajar antarabangsa dan pelaksanaan program mobiliti.

Lawatan ini diketuai



## UMKI



## LAWATAN PENANDAARAS PUSAT ANTARABANGSA KE USAINS HOLDING, PUSAT HAL EHWAL DAN KERJASAMA ANTARABANGSA, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA & AL-BUKHARY INTERNATIONAL UNIVERSITY

8 - 10 Februari 2023, Pulau Pinang & Kedah

Tujuan lawatan adalah untuk mempelajari dan berkongsi pengurusan ejen perekrutan pelajar antarabangsa, pengurusan program mobiliti dan pengurusan pas pelajar.

Hasil dari lawatan ini, pihak Pusat Antarabangsa telah mengenalpasti beberapa aspek yang boleh ditambahbaik terutamanya dalam pengurusan ejen perekrutan pelajar antarabangsa, mobiliti dan *student buddies*.

## PERBINCANGAN PELUANG KOLABORASI UMK DAN SICHUAN MUSIC COLLEGE, CHINA

23 Mac 2023, Pusat Antarabangsa, UMK

Perbincangan bagi peluang kolaborasi antara Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), UMK dan Sichuan Music College, China telah diadakan pada 23 Mac 2023. Melalui kolaborasi ini, diharapkan UMK akan menerima pelajar antarabangsa dari Sichuan Music College samada untuk program akademik mahupun program mobiliti.



## TAKLIMAT PROGRAM AKADEMIK UMK KEPADA SMA NEGERI 9 JAKARTA

9 Mac 2023, Dalam Talian

Taklimat Program Akademik UMK Kepada SMA Negeri 9 Jakarta telah dianjurkan dengan jayanya pada 9 Mac 2023. Ucapan aluan disampaikan oleh Dr Arham Bahar, selaku ejen perekrutan pelajar antarabangsa UMK bagi pasaran Indonesia manakala taklimat akademik disampaikan oleh Dr. P Yukthamarani A/P Permarupan, Timbalan Pengarah (Pemasaran) dengan dibantu oleh Pn. Tuan Nor Azma Binti Tuan Hussain, Pembantu Tadbir.

 UmkInternational  
 umkinternational  
 umk.edu.my/en/  
 The Office of UMK International


 Universiti Malaysia  
**KELANTAN**

## Taklimat Program Akademik UMK

### SMA NEGERI 9 JAKARTA

Ayo Kuliah di Malaysia! Ayo Kuliah di UMK!

09 MAC  
2023

Waktu Indonesia Barat:  
08.00am - 10.00am

SCAN ME



Zoom:  
<http://bitly.ws/BiE8>

### Kenali UMK !

### Sorotan Acara

Ucapan Aluan oleh Bapak Arham Bahar  
Pengenalan kepada UMK oleh Dr. P Yukthamarani  
Sesi Soal Jawab dengan wakil UMK



Arham Bahar  
Wakil UMK  
Indonesia

Dr. P Yukthamarani  
Wakil Direktur  
UMK International

Azma Hussain  
Unit Promosi  
UMK International


 vivo X70 - ZEISS  
27 Mar 2023, 10:58

## KUNJUNGAN DARI GRTGVK INTERNATIONAL SCHOOLS DAN SRI VIVEKANANDA EDUCATIONAL INSTITUTIONS KE UMK

**26 dan 27 Mac 2023, Pusat Antarabangsa**

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berbesar hati untuk menerima kunjungan dari delegasi India iaitu Dr. Ganapati Narasimhulu, Pengarah Urusan *GRTGVK International Schools* dan En N. Ramesh Naidu, Pengerusi *Sri Vivekananda Educational Institutions*. Tujuan lawatan adalah untuk menyampaikan guest lectures oleh Dr. Ganapati Narasimhulu bertajuk "*Indian Herbs and Herbal Drugs Used For The Management of Diabetes*" pada 26 Mac 2023 telah dihadiri oleh 60 pelajar dari tiga fakulti di UMK Kampus Jeli. Sejurus selepas itu, sesi perbincangan peluang kolaborasi turut diadakan bersama pihak Fakulti Industri Asas Tani, Fakulti Sains Bumi dan Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi.

## KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI UNIVERSITAS RIAU (UNRI) KE UMK

**11 Januari 2023, UMK Bachok dan Kampus Kota**

Bersempena dengan kunjungan tersebut, majlis Menandatangani Memorandum persefahaman (MoU) antara UMK dan UNRI telah diadakan di Bilik Mesyuarat Senat, Bangunan Canselori, **UMK Bachok** pada jam 9.30 pagi. Program diteruskan di sebelah petang dengan lawatan ke incubator-inkubator di UMK Kampus Kota seperti *Elysian Spa*, *2u2i Incubator* dan *Ignite Venture Lab (IVL)* yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Ng Siew Foen, Pengarah Pusat Antarabangsa. Lawatan diakhiri dengan sesi perbincangan antara pihak UNRI bersama pihak pengurusan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan.



## PROGRAM KERJASAMA PESISIR UMK-DMHE

Sesi perbincangan bersama DMH Ekuiti Sdn. Bhd berhubung cadangan Kerjasama Program Pesisir UMK-DMHE telah diadakan di UMK Putrajaya. Sesi perbincangan dihadiri oleh pemilik DMH Ekuiti Sdn. Bhd, YBhg. Dato Mat Hassan Esa, Pn. Sharifah Mastura binti Syed Mohamed, Pengarah DMHE Sdn. Bhd, Pn. Surianny Sarmis, Ketua Pegawai Eksekutif Hirarki Timur Sdn. Bhd, Pn. Noraini Idris, Penasihat Undang-Undang UMK dan Dr. Hasnita Che Harun, Pengarah PusatB Pengurusan Kualiti UMK.

Perbincangan yang diadakan adalah bagi tujuan penyelarasan pelaksanaan dan persetujuan kedua-dua pihak berhubung terma-terma kerjasama berkaitan penganjuran program Pesisir UMK-DMHE di Kolej Teknologi Timur milik DMHE Sdn. Bhd.



## PENYELARASAN PELAJAR WUXI DATANG KE MALAYSIA

Sesi perbincangan TNCAA bersama salah satu ejen perekrutan pelajar antarabangsa berhubung penyelarasan pelaksanaan Projek Khas Sarjana Keusahawanan UMK – Wuxi, China di UMK Putrajaya. Turut hadir adalah Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Pengarah UMKI, Pengarah Pusat Pengurusan Kualiti dan wakil Pusat Pembangunan dan Pengurusan Infrastruktur (3PI). Perbincangan membincangkan kaedah PdP dan logistik 31 orang pelajar antarabangsa Wuxi, China yang akan mengikuti sesi Pdp secara fizikal di Malaysia mulai Mac 2023.



## KONSULTANSI PEMBANGUNAN KURIKULUM

9 Februari 2023, Bilik Mesyuarat Tok Kenali, FBI, UMK Bachok

PKPA telah dijemput oleh pihak Fakulti Pengajian Bahasa & Pembangunan Insan (FBI) untuk memberi penasihat dan konsultasi berkaitan pembangunan kurikulum akademik bagi Program Sarjana Muda Komunikasi Perniagaan dengan Bahasa Inggeris Mod Industri.



## BENGGKEL PELAN TINDAKAN PKPA 2023

12 Februari 2023, ibis Styles Hotel, Kota Bharu

Bengkel Pelan Tindakan PKPA 2023 berjaya dilaksanakan untuk merancang dan mengemaskini Takwim Program/Aktiviti PKPA 2023 seiring dengan perancangan Bahagian Inovasi PdP dan Kepimpinan Akademik dan Bahagian Pembangunan Kurikulum Akademik dan Penilaian & Pentaksiran. Pelan Tindakan PKPA 2023 ini juga dirancang berpandukan kepada Pelan Tindakan Akademik & Antarabangsa agar seiring dan mencapai kecemerlangan mengikut KPI yang telah ditetapkan.





# BENGGKEL PENGURUSAN KUALITI JABATAN & PENYELARASAN PERANCANGAN STRATEGIK PKPA 2023

25 Januari 2023, Ruang Mesyuarat PKPA

Bengkel Pengurusan Kualiti Jabatan & Penyelarasan Perancangan Strategik PKPA 2023 dilaksanakan bagi melihat semula hasil Lawatan Auditor Audit Kualiti Dalaman MS ISO 9001:2015 2022-PKPA untuk penambahbaikan perkara-perkara berkaitan. Antara pengisian lain semasa bengkel adalah penyelarasan fungsi PKPA bagi memastikan gerak kerja PKPA seiring dengan peranan semasa.

## SESI LAWATAN AUDIT OLEH AUDITOR AUDIT KUALITI DALAMAN MS ISO 9001:2015 2022-PKPA

4 Januari 2023, Ruang Mesyuarat PKPA

Proses audit berlangsung dengan baik dan PKPA menyambut baik segala teguran, komentar dan contoh amalan baik pelaksanaan pengurusan kualiti bagi memastikan UMK dapat mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2015.



# Bengkel Pemurnian Terma dan Rujukan Jawatankuasa Penilaian Program Akademik (JKPPA) Bil.1/2023

7 Februari 2023, Ruang Mesyuarat PKPA

Penganjuran untuk mengemaskini fungsi, terma rujukan, keahlian, proses kerja dan borang penilaian JKPPA dalam memastikan pelaksanaan JKPPA 2023 dan tahun mendatang lebih teratur dan sistematik.



## BENGGEL PEMURNIAN GARIS PANDUAN PEMBELAJARAN HIBRID

9 & 10 Februari 2023, JPT, KPT

Majlis E-Pembelajaran IPTA (MEIPTA) telah menganjurkan Bengkel Pemurnian Garis Panduan Pembelajaran Hibrid bertempat di Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Putrajaya. UMK telah diwakili oleh Ahli MEIPTA, Dr. Ahmad Zaki bin Amiruddin (Ketua Unit Inovasi PdP, PKPA). Garis panduan yang sedang dibangunkan untuk rujukan pelaksanaan pembelajaran hibrid di semua Institut Pengajian Tinggi (IPT).

# Scheme of Work (SoW) Campus Tour

9 Pagi - 12 Tengahari

## 16

MAC 2023:

### SIRI 1

Bilik Kuliah Integrity  
(COIBS), Aras 2, Blok C,  
UMK Kampus Kota

2 Petang - 5 Petang

## 16

MAC 2023:

### SIRI 2

Bilik Seminar 1, Aras 2,  
Bangunan Canselor,  
Universiti Malaysia  
Kelantan

10 Pagi - 1 Tengahari


## 21

MAC 2023:

### SIRI 3

Bilik Lansium (BK5),  
UMK Kampus Jeli

Center for Academic Excellence & Development



## BENKEL PENGURUSAN GERAN PENYELIDIKAN UMK (TeLRIC 2022)

20 Feb 2023, Dalam  
Talian (Zoom)


PKPA telah menganjurkan Bengkel Pengurusan Geran Penyelidikan UMK TeLRIC 2022 secara dalam talian melalui platform Zoom melibatkan semua wakil penerima geran. Melalui bengkel ini, peserta dapat melaksanakan penyelidikan mengikut peruntukan geran yang disediakan dan tempoh masa yang ditetapkan.

## KURSUS ASAS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (KAPP) 2022

1 & 2 Feb 2023, Dalam Talian (Zoom)

Peserta telah diberikan tugas akhir untuk melengkapkan kursus tersebut dengan pembangunan modul kursus Micro-credentials mengikut kursus (subjek) di fakulti masing-masing.

Hasil pembangunan modul kursus Micro-credentials tersebut telah dibentangkan oleh 25 orang peserta yang terlibat kepada panel penilai yang telah dilantik oleh pihak PKPA



# Majlis Pentauliahahan KOR SISWA SISWI PERTAHANAN AWAM (KOR SISPA) PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-13 TAHUN 2022

"PEMBANGUNAN ILMU PERTAHANAN AWAM DI IPT TONGGAK UTAMA KESEJAHTERAAN AWAM NEGARA"

3 - 5 MAC 2023 | 9.00 PAGI  
DEWAN TUANKU CANSOLOR, UMK BACHOK

*Dirasmikan Oleh:* YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI  
MENTERI SABA PERDANA MENTERI  
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)



## 902 PEGAWAI KADET KOR SISPA TAMAT LATIHAN TERIMA PENTAULIAHAN LEFTENAN MUDA (PA)

5 Mac 2023, Bachok

Seramai 902 Pegawai Kadet Kor Sispas daripada 18 Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan dua Institusi Pendidikan Guru (IPG) terima pentauliah sebagai Leftenan Muda (PA) pada Majlis Pentauliah Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (Kor Sispas) Peringkat Kebangsaan Kali ke-13 Tahun 2022 bertemakan Pembangunan Ilmu Pertahanan Awam di IPT, Tonggak Utama Kesejahteraan Awam Negara.

Majlis Penyampaian Watikah ini telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak Dan Tugas-Tugas Khas), YB. Datuk Armizan Mohd Ali, di Dewan Tuanku Canselor (DTC) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Bachok, Kelantan. Turut hadir, Ketua Pesuruhjaya Pertahanan Awam Malaysia, Yang Amat Setia Aminurrahim Bin Mohamed, Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa) UMK merangkap Komandan Kor Sispas UMK, Prof. Dr. Nik Maheran Binti Nik Muhammad dan Pengarah Bahagian Mahasiswa Holistik Jabatan Pendidikan Tinggi, Encik Hirman Bin Awang @ Semail.

YB. Datuk Armizan juga turut menyempurnakan majlis penyampaian 20 Anugerah Kadet Sispas Terbaik dan Majlis Pemakaian Pangkat Komandan Kehormat (PA) yang baharu dilantik kepada lima buah Universiti iaitu

Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Perlis (UNiMAP), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pada tahun ini, UMK menjadi tuan rumah dengan kerjasama Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Bahagian Mahasiswa Holistik, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Menurut Prof. Dato' Dr. Razli, Kor Sispas merupakan antara wadah terbaik dalam memupuk semangat kesukarelawanan di kalangan mahasiswa. Beliau berkata, APM memberi penekanan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kor Sispas dengan memberi fokus kepada aspek kemahiran pertahanan awam di samping nilai-nilai yang positif dikalangan Mahasiswa.

"Kor Sispas juga dilihat sebagai itu salah satu cabang untuk kerjaya pada masa hadapan apabila telah bergraduat kepada semua mahasiswa yang terlibat. "Justeru, majlis Pentauliah ini diadakan bertujuan untuk meraikan dan memberikan penghargaan kepada semua PKS di seluruh IPT dan IPG yang terlibat bagi penerimaan Watikah sebagai Lt. Muda (PA) setelah tiga tahun menyertai Kor Sispas diperingkat IPT / IPG masing-masing," katanya.

## MESYUARAT TNC (A&A) UNIVERSITI AWAM

21 Februari 2023 (Selasa)

Menghadiri Mesyuarat Timbalan- Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Awam ke-73 ( Bil.2023) bertempat di Tamu Hotel & Suites Kuala Lumpur. Antara agenda yang dibincangkan ialah berkenaan Taskforce Pengambilan Pelajar Berdasarkan Tenaga Kerja Negara, Yuran Pascasiswazah dan Prasiswazah, Program TVET, ChatGPT dalam pengajaran dan pembelajaran serta lain- lain isu untuk meningkatkan prestasi akademik universiti awam.

## MESYUARAT KERJASAMA UMK- ALZETTE UNIVERSITY

Sesi perbincangan kolaborasi akademik di antara UMK diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof Dr Nik Maheeran binti Nik Muhammad bersama dengan Alzette University bertempat di Pejabat Naib Canselor, Conezion Putrajaya.

## MESYUARAT KERJASAMA UMK-MSU

9 Mac 2023 (Khamis)

Sesi perbincangan bersama wakil Management & Science University (MSU) bertempat di MSU, Shah Alam, Selangor. Delegasi UMK telah diketuai oleh Prof. Dr. Nik Maheeran binti Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa). Turut hadir ialah Prof. Madya Ts. Dr. Zailani Bin Abdullah, Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, Ts. Dr. Muhammad Luqman Bin Nordin, Ketua Jabatan Pengajian Klinikal, Fakulti Perubatan Veterinar dan wakil-wakil fakulti. Manakala delegasi MSU diketuai oleh Professor Dr. Abdul Jalil Ghazali, Senior VP for Industry Linkages & Entrepreneurship. Antara agenda yang dibincangkan ialah kerjasama akademik di antara MSU dan UMK melalui Program Mobiliti Berkredit 2u2i UMK-MSU, Program Bootcamp Keusahawanan serta Program Kerjasama Doktor Perubatan Veterinar melalui Private Wing UMK MSU DVM+ Offshore.

## MAJLIS BACAAN YASIN DAN TAZKIRAH RAMADHAN

23 Mac 2023, Bilik seminar 1 Bangunan Canselori Umk Kampus Bachok

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) telah mengadakan Majlis Bacaan Yasin dan Tazkirah Ramadhan bertujuan untuk mengimarahkan lagi bulan Ramadhan. Majlis tersebut telah dipimpin oleh Ustaz Mohd Binyamin bin Che Yaacob dari Pusat Islam UMK dan turut dihadiri oleh YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK.



## PENYERAHAN SUMBANGAN TABUNG IHYA RAMADHAN

12 Mac 2023  
Pusat Islam UMK, Bachok

Pejabat Timb. Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) prihatin dan menyokong usaha Pusat Islam UMK menerusi sumbangan kepada Tabung Ihya Ramadan 1444H. Tabung Ihya Ramadan tersebut telah dilancarkan bermula pada 12 Mac 2023 dan beberapa program telah diatur bersama pelajar dan staf UMK meliputi Majlis Berbuka Puasa Tadarus Al-Quran, Solat Terawih, Khatam Al-Quran, Qiamullail dan siri Ceramah atau Tazkirah Ramadan. Pengarah Pusat Islam UMK, Prof.Madya Dr. Mohd Zain Bin Mubarak mengalu-alukan sumbangan sedekah kepada tabung Ihya tersebut bagi menampung keperluan perbelanjaan

program-program yang telah dirancang bersama. Bersempena keberkatan bulan Ramadan ini, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) telah mengumpulkan sedekah daripada staf-staf khusus untuk disumbangkan kepada Tabung Ihya Ramadan tersebut. Sumbangan tersebut telah disampaikan kepada Pengarah Pusat Islam UMK oleh En. Mohd Badrul Hisyam Bin Muhamad Alias, Timbalan Pendaftar, Bahagian Strategik dan Pentadbiran. Turut hadir sama adalah En. Mohd Zulfadli Mat Husin, Penolong Pendaftar Kanan, Ustaz Wan Mohd Amir Bin Yusoff, Pegawai Hal Ehwal Islam





## KUNJUNGAN DARIPADA AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI (AKEPT)

20 Mac 2023

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) telah menerima kunjungan daripada Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT). AKEPT ke Universiti Awam (UA) ini merupakan salah satu aktiviti tahunan AKEPT dalam usaha mendekati UA serta menyebarkan peranan yang dimainkan oleh AKEPT diperingkat Nasional. Selaku peneraju utama dalam agenda pemerkasaan kelompok kepimpinan pendidikan tinggi, AKEPT perlu memastikan peranan UA diperkasakan terutamanya dalam bidang pengurusan dan pembangunan bakat kepimpinan pendidikan tinggi.

Dengan tanggungjawab ini, Pusat Pemprofilan Kepimpinan AKEPT yang diketuai oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah bin Abdullah telah mengadakan sesi libat urus bersama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bagi berkongsi dengan Pengurusan Tertinggi, Penyelaras Bakat UMK serta Bakat-Bakat Muda UMK berkenaan dengan kaedah pemprofilan yang dilaksanakan oleh AKEPT. Pada masa yang sama menekankan kepentingan dan keperluan untuk bakat muda menjalani pemprofilan bagi memastikan pelaksanaan bidang kepimpinan institusi dan pelan pengantian dapat disediakan serta mengikut proses yang ditetapkan.



## UMKI 2023 ROAD TOUR

**14 & 15 Mac 2023, UMK Jeli, UMK Bachok & UMK Kampus Kota**

Road Tour ini bertujuan untuk menghebahkan fungsi dan peranan UMKI serta berinteraksi dengan pihak fakulti. Pihak fakulti turut dimaklumkan berkenaan KPI universiti iaitu bilangan pelajar antarabangsa, bilangan pelajar program mobiliti serta bilangan program mobiliti kredit dan tidak berkredit yang perlu dicapai oleh pihak fakulti, susulan dari Pemukiman Pengurusan UMK 2023 pada 14 hingga 16 Februari 2023 yang lepas.



## PROJEK KHAS BERSAMA PRO- CANCELOR

**11 Feb 2023**

Prof. TNCAA telah mengadakan kunjungan hormat kepada Prof Canselor, Ybgh. Tan Sri Dato' Dr. Asiah binti Abu Samah untuk membincangkan berkenaan penganjuran Majlis Makan Malam Amal Ikon Wanita Malaysia. Turut hadir adalah Pengarah PPQ, Dr. Hasnita binti Harun.



# Program JOM FIT Pejabat TNCAA




## PROGRAM JOM FIT: PEJABAT TNCAA

**16 Mac 2023**

Program Jom Fit: Pejabat TNCAA telah diadakan di perkarangan Tamu Waris dan sekitar tasik UMK Bachok melibatkan semua staf Pejabat TNCAA. Program yang bertujuan untuk memastikan staf Pejabat TNCAA sentiasa kekal sihat dan ceria ini dijadualkan setiap tiga (3) bulan.



# Merintis pembangunan akademik dan pengantarabangsaan univ



**BACHOK**



**KAMPUS  
KOTA**



**KAMPUS  
JELI**



**UMK CONEZION,  
PUTARAJAYA**



## ►►► VISI

Merintis pembangunan akademik dan pengantarabangsaan universiti dengan tujuan untuk membangunkan modal insan keusahawanan untuk kemakmuran global



## ►►► MISI

Membangunkan program pembelajaran berasaskan keusahawanan yang berkualiti, tenaga pengajar pakar dan profesional serta sistem pentadbiran akademik yang cemerlang serta mengukuhkan rangkaian akademik di seluruh dunia.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

*A Knowledge Valley where*  
**ENTREPRENEURIAL**  
**MINDS**  
meet, innovate and create



TERBITAN

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok, Kelantan



[www.hea.umk.edu.my](http://www.hea.umk.edu.my)



[dcvai@umk.edu.my](mailto:dcvai@umk.edu.my)



Pejabat TNCAA UMK